

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN  
[ MASJID TANAH ]**

**TARIKH : 6.11.2014**

**SOALAN :**

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah program-program yang wajib dilalui oleh Pengetua dan Guru Besar sebelum Program “Residency and Immersion” (PRIme) diperkenalkan dan jika ada, apakah perbezaan program ini dengan program-program yang telah diperkenalkan sebelum ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program *Residency* dan *Immersion* (PRIme) merupakan satu program yang baharu diperkenalkan dan program ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2014. PRIme adalah program transisi bakal pengetua/guru besar dalam menyediakan dan memantapkan pelbagai kompetensi kepimpinan dan pengurusan yang diperlukan sejajar dengan peranan mereka sebagai pemimpin sekolah.

PRIme bertujuan memberi bimbingan kepada pengetua/guru besar **lantikan baharu** dalam proses mereka menjawat jawatan sebagai pemimpin sekolah buat kali pertama. Pengetua/guru besar yang bakal dilantik memerlukan bimbingan dalam bidang pengurusan dan

kepimpinan pendidikan di sekolah secara *hands-on* dan perlu mempunyai pengetahuan asas berkaitan hal ehwal dalaman sekolah seperti iklim dan budaya sebelum menjalankan tugas-tugas mereka.

Sehubungan itu, seorang pengetua/guru besar perlu memenuhi syarat-syarat yang telah digariskan yang antara lain mewajibkan seseorang pemohon itu mempunyai sijil *National Professional Qualification For Educational Leaders* (NPQEL), melepasi pentaksiran, mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman sebagai pentadbir dan diperakui sihat oleh doktor.

Mulai Julai 2014 juga, jawatan pengetua/guru besar merupakan satu jawatan yang dipohon dan bukan lagi berdasarkan pelantikan berdasarkan kekananan (*seniority*).